

NO SOALAN : 44

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH  
BINTI WAN ISMAIL  
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 3.11.2015  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status pesawat  
MIG-29 TUDM yang dilaporkan tamat tempoh kegunaan pada  
2015. Nyatakan program penggantian dan kos yang terlibat  
serta faktor pemilihan pesawat gantian yang dipersetujui  
Kerajaan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pelan pemodenan operasi, TUDM telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan pesawat MiG-29N pada penghujung tahun 2015. Ini memandangkan keupayaan pesawat tersebut yang terhad dari kos pengoperasian tinggi yang perlu ditanggung oleh TUDM serta tempoh hayat pesawat yang telah melebihi 20 tahun tanpa ada program peningkatan (*upgrade*) yang dijalankan.

Walau bagaimanapun berdasarkan kepada keadaan semasa, rancangan penamatan pesawat MiG-29N akan dilakukan secara berfasa iaitu melalui pengurangan bilangan pengoperasian pesawat secara berperingkat tetapi masih mampu mendukung peranan dan keupayaan pengoperasian sehingga keputusan perolehan pesawat MRCA dimuktamadkan oleh Kerajaan.

TUDM telah membuat kajian terperinci dan beberapa jenis pesawat MRCA telah disenarai pendekkan. Bagi kos perolehan pesawat ianya bergantung kepada jenis pesawat yang dipilih serta nilai timbal balas (*off set*) yang bakal diperolehi kelak.